



2022 MAJLIS PERASMIAN



HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK

OLEH:

YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD
D.P.C.M., A.M.N., A.M.P., P.J.K., S.P.M.P
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

TEMPAT:

AEON MIDTOWN FALIM, IPOH

TARIKH:

29 OKTOBER 2022



KATA ALUAN



Assalamualaikum.w.b.t dan salam hormat,

Pada kesempatan ini, saya merakamkan Selamat Hari Alam Sekitar Negara 2022 kepada semua rakyat Negeri Perak dan mengambil peluang ini untuk mengajak semua rakyat negeri Perak menjadi warga yang peduli tentang alam sekitar. Sama-samalah kita melaksanakan amanah memakmurkan bumi Perak yang kita cintai ini dengan memainkan peranan kita demi kelangsungan hidup yang sejahtera.

Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri Perak telah meletakkan hala tuju yang jelas dalam melestarikan tanah air tercinta melalui gagasan menjadikan Perak Bumi Lestari. Dalam hal ini, semua aspek pembangunan dan budaya hidup masyarakat perlu diselaraskan dengan gagasan murni tersebut.

Kita bersyukur kerana bumi Perak dianugerahkan dengan kekayaan sumber asli dan khazanah alam yang sangat bernilai. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menguruskan khazanah ini secara lestari demi kelangsungan generasi hari ini dan generasi akan datang.

Akhir kata, sama-samalah kita menjadi warga negeri yang memainkan peranan dan membudayakan cara hidup yang sihat dalam usaha melestarikan alam sekitar meskipun berdepan banyak cabaran. Ayuh kita lestarikan bumi Perak dan menjadi warga yang bertanggungjawab dan peduli dengan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD
D.P.C.M., A.M.N., A.M.P., P.J.K., S.P.M.P
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

KATA ALUAN



Assalamualaikum.w.b.t dan salam hormat,

‘Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhan telah melantik kamu (manusia) sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan’ Hadis Riwayat Muslim.

Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama adalah tema yang serba boleh sepanjang masa kerana ianya telah dinyatakan seperti terjemahan Hadis Riwayat Muslim. Terpanggil dengan hadis di atas dan tema Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 saya mengharapkan ianya menjadi asas tanggungjawab untuk kita semua sebagai warga yang bertamadun kerana selain tanggungjawab ianya juga sebagai amanah pencipta (Allah). Kegagalan kita melaksanakan amanah ini adalah sesuatu yang berdosa (salah) dan merugikan semua pihak. Justeru itu, sama-samalah kita mendokong tanggungjawab dalam memelihara dan memelihara alam sekitar untuk generasi hari ini dan generasi akan datang.

Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Terima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama menjayakan Sambutan Hari Alam Sekitar 2022 Peringkat Negeri Perak khususnya Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, ahli Jawatankuasa Induk Sambutan, Penganjur Bersama yang merupakan Rakan Strategik Kerajaan Negeri Dan Majlis Bandaraya Ipoh yang merupakan tuan rumah sambutan pada tahun ini. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah.

Selamat Hari Alam Sekitar Negara 2022

Sekian, terima kasih.

YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN
PENGERUSI JAWATANKUASA KESIHATAN, SAINS, ALAM SEKITAR
DAN TEKNOLOGI HIJAU KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KATA ALUAN



Assalamualaikum w.b.t dan salam hormat

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita sama-sama dapat menjayakan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak bagi tahun 2022 ini.

Alam sekitar adalah tidak terhad kepada aspek estetika dan kebersihan fizikal semata-mata. Hakikatnya keseimbangan alam sekitar dan ekosistem memberi kesan ketara kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup dan ianya mestilah selari dengan kemajuan negara serta kemakmuran yang dikecapi. Al-Quran dan sunah telah memberikan satu penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar di mana kedua-dua sumber rujukan umat Islam ini menyeru setiap manusia untuk mengekalkan pemeliharannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah SWT yang agung. Justeru itu, marilah kita bersama-sama menggalas tanggungjawab dalam memelihara dan memelihara alam sekitar untuk generasi hari ini dan generasi akan datang.

Terima kasih kepada semua pihak yang sama-sama turun padang bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak, khususnya Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak yang mana menjadi tunjang utama bagi memastikan kelancaran majlis ini. Tidak dilupakan juga agensi-agensi lain yang terlibat, saya ucapkan jutaan tahniah.

Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara 2022

YBHG. DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD
DATUK BANDAR IPOH

KATA ALUAN



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 (HASN) Peringkat Negeri Perak berjaya dilancarkan dengan kerjasama dan hasil usaha daripada semua pihak. Terima kasih di atas sokongan dan usaha gigih yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat bagi memastikan majlis sambutan ini berjalan dengan gilang-gemilang. Ini memberi satu tanda aras yang menunjukkan komitmen daripada semua pihak dalam memastikan kelestarian alam sekitar secara berterusan dan dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan.

Jutaan terima kasih juga kepada semua Jabatan dan Agensi yang terlibat khususnya Bandaraya Ipoh yang menjadi tuan rumah majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 (HASN) Peringkat Negeri Perak pada tahun ini .

Bagi pihak urusetia utama penganjur, saya mengambil peluang ini untuk memohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan dan kekhilafan sepanjang Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak ini berlangsung. Akhir kata, Selamat menyambut Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak dan salam Perak Bumi lestari.

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

Sekian, terima kasih.

HAJI ROSLI BIN ZUL
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

HARI ALAM SEKITAR NEGARA

Hari Alam Sekitar Negara merupakan penjenamaan semula bagi program Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM).

Sambutan MASM ini telah diadakan sebagai acara tahunan susulan termaktubnya Deklarasi Langkawi pada Oktober 1989. Bermula tahun 1991, MASM telah disambut pada setiap tahun dari 21 hingga 27 Oktober bersempena Hari Alam Sekitar Malaysia yang jatuh pada 21 Oktober.

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Negeri Perak telah dibentang dan dipersetujui perlaksanaannya di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tetap Alam Sekitar Bil. 1/2022 yang telah diadakan pada 4 Ogos 2022. Dalam perkara ini, setiap kerajaan Negeri telah memberikan komitmen untuk menjayakan sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) di peringkat Negeri sebagai sokongan berterusan kepada usaha - usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

OBJEKTIF

Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas.

Menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar.

Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Program-program sepanjang Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak

- Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Aeon Midtown Falim, Ipoh
- Majlis Penutup Hari Alam Sekitar Negara 2022 Sempena Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Negeri Perak
- Pertandingan Bowling Antara Industri Piala YB Exco Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
- Seminar Larangan Pembakaran Terbuka & Pelancaran Kempen Pengumpulan Barangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Bersama Jabatan Pendidikan Negeri Perak/PPD dan Pihak Berkuasa Tempatan Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2022
- Signature event: Kempen pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik (E-Waste) di seluruh negeri (PBT / Premis Industri/Sekolah)
- Signature event: Penilaian Masjid - Anugerah Lestari Alam Sekitar
- Signature event: Kempen Hindari Plastik Sekali Guna
- Pertandingan Penulisan Karya Puisi dan Pantun Alam Sekitar
- Penilaian Kilang Pembuatan Sarung Tangan Getah - Anugerah Lestari Alam Sekitar
- Pertandingan Fotografi Alam Sekitar
- Penilaian Premis Buangan Terjadual (BT) - Anugerah Lestari Alam Sekitar
- Pertandingan Kuiz Alam Sekitar untuk Pelajar Sekolah
- Anugerah Ikon Muda Alam Sekitar
- Penilaian Kilang @ Premis Batu Kapur - Anugerah Lestari Alam Sekitar
- Enviro Challenge Sempena Hari Kitar Semula Kebangsaan
 - a. Enviro Challenge Kategori Sekolah Rendah
 - b. Enviro Challenge Kategori Sekolah Menengah
 - c. Enviro Challenge Kategori IPT
 - d. Enviro Challenge Kategori Industri
- EnviroRide Sempena Hari Ozon Sedunia 2022
- Water Rafting Siri ke-2 - Bengkel Pemantapan Minda & Fizikal Segmen Alam Sekitar di Selama
- Seminar Pematuhan AKAS 1974, Tatacara Penggunaan Sistem ESWIS & Larangan Pembakaran Terbuka Peringkat Negeri Perak Tahun 2022
- Program KUDAH Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 bersama YTL Cement
- Pertandingan karaoke lagu Alam Sekitar 2022
- Seminar Perdana Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak Bertemakan Kawalan Pencemaran Alam Sekitar Dalam Pembangunan Lestari
- Majlis Pelancaran, Seminar Pembakaran Terbuka oleh Jabatan Alam Sekitar & Bomba Dan Pengujian Asap Kenderaan Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022

Jawatankuasa Induk Perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak

Pengerusi : YB EXCO Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
Negeri Perak

Urusetia : Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

Ahli : Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak
Ketua Protokol Dan Istiadat Negeri Perak
Pejabat Daerah dan Tanah Kinta
Majlis Bandaraya Ipoh
Majlis Keselamatan Negara Negeri Perak
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Perak
Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Perak
Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara Negeri Perak
Jabatan Penerangan Negeri Perak
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jabatan Penyiaran Negeri Perak

Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022

Peringkat Negeri Perak

Pengerusi Bersama:

YBgh. Dato' Haji Rumaizi bin Baharin @ Md Daud
Tuan Haji Rosli Bin Zul

Pengurus Sambutan:

Encik Abdul Aziz Bin Parmin
Encik Muhamad Rizal Bin Ramli

Pengurus Acara:

Encik Mohamad Zamzani Bin Ibrahim

Jawatankuasa (Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak)

Encik Muhammad Ridzuan Bin Mohd Alias	Puan Nur Wasimah Binti Abdul Wahab
Encik Mohd Farhan Bin Mohamad Hashim	Puan Noor Azizah Binti Ismail
Puan Nurhidayah Binti Zainal Abidin	Encik Md Azizi Bin Ismail
Puan Syakirah Binti Hashim	Puan Nor Haziroh Binti Ramli
Puan Siti Aishah Binti Abd Wahid	Encik Muhammad Hilmi Bin Husaini
Puan Nor Farzilla Binti Abdullah Mohd Zawawi	Puan Jaida Binti Ramlee
Encik Azrie Sham Rizal Bin Awang	Encik Mat Saad Bin Abdullah
Encik Fadhzlan Abdullah Bin Ismail	Encik Wan Mohd Fardley Wan Dollah
Encik Pravin Segaran A/L Segaran	Encik Azmi Bin Rashid
Encik Mohd Lokman Bin Othman	Encik Wan Noor Isyam Bin Taib
Encik Azhar Bin Zainal Abidin	Encik Hasinor Bin Zainol
Encik Mohammed Rizal Bin Mohd Kamal	Encik Shahrul Bin Zakaria
Encik Mohd Faidzol Bin Ariffin	Encik Mohd Najib Ismawi Long Jaafar
Encik Hamdan Bin Yaakub	Encik Aminudin Bin Abdullah
Encik Abdul Aziz Bin Mohsid	Encik Muhammad Fauzi Bin Che Din
Puan Maidatulnoora Binti Abdul Wahab	Encik Suhairi Bin Abu Bakar
Encik Mohamad Aliff Bin Zabidi	Encik Nurol Khafiz Bin Jurani
Puan Wan Hanita Binti Wan Mohamad Salleh	Puan Nurzira Binti Ramly
Encik Mior Izzudin Bin Baharuddin	Encik Zakaria Bin Ismail
Puan Norzalizah Binti Bahazin	Encik Mohd Nazli Bin Masran
Encik Ahmad Sururi Bin Mohd Helmi	Encik Mohd Shahril Bin Mohd Osman
Encik Mohd Sanusi Bin Daud	Puan Nor Rabiyyah Binti Ahmad Helmi
Puan Nik Noraini Azhimah Binti Nik Ab Rahaman	Puan Nurul Hanim Bin Mior Abdullah
Encik Mohammed Mustafa kamal Bin Ramli	Puan Siti Latifah Binti Harun
Encik Harmanisham Bin Ishak	Puan Noor Farah Dila Binti Mohd Nasir
Puan Norsalfarina Binti Abdul Rahim	Puan Rohana Binti Hawari
Puan Nurul Aini Binti Mohd Razalli	Encik Shamsuddin Bin Mohd Sopian
Puan Maizah Binti Idris	Encik Rahmat Bin Basri
Puan Farashina Binti Abdul Rahim	Encik Erwan Farid Bin Baharuddin
Puan Raja Noor Eliza Syahfina Binti Raja Noor Bashah	Encik Abdul Jamil Bin Abd Hamid
Puan Noor Saidhatul Nadhirah Binti Abdul Rahman	Encik Hazwadi Bin Abdul Hamid
Puan Nor Asyniza Binti Ahmad Madzlan	Encik Sulaiman Bin Mohd Tahir

Jawatankuasa (Majlis Bandaraya Ipoh)

Encik Zulkifli Bin Jaafar Sidek

Encik M. Raman Maran

Puan Nurul Izzaty Binti Rosly

Encik Arif Mohd Zainudin

Puan Nursalihah Mohd Nasri

Encik Ahmad Faizal Bin Baharom

Encik Muhamad Razlin Bin Ruslan

Encik Riszawallghan Bin Ramli

Encik Ahmad Zulhafiz Bin Mansor Taridi

Encik Syarifuddin Helmi Bin Idrus

Encik Sharulnizam Bin Jaafar

Encik Mohd Syahrizal Bin Azmi

Jawatankuasa (Ketua Protokol Istiadat Negeri Perak)

Puan Emma Binti Ahmad Anajmi

Jawatankuasa (Jabatan Kesihatan Negeri Perak)

Puan Yuhanisma Binti Abu Bakar

Jawatankuasa (Perhutanan Negeri Perak)

Puan Norlida Binti Kamil

Jawatankuasa (Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak)

Supt. Normila Binti Ramli

Jawatankuasa (Jabatan Pendidikan Negeri Perak)

Puan Khon Siow Ling

Jawatankuasa (Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Perak)

PgKB II Muhamad Shahrizal Bin Aris

Jawatankuasa (Jabatan Kerja Raya Negeri Perak)

Encik Raja Idham Bin Raja Idris

Jawatankuasa (Jabatan Penerangan Negeri Perak)

Encik Mohd Zailani Bon Othman

Jawatankuasa (Pejabat SUK Negeri Perak)

Puan Zuriati Binti Zainal

Jawatankuasa (Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta)

Puan Nik Hafizatul Akmal Binti Mat Hussin

Jawatankuasa (Jabatan PERHILITAN Negeri Perak)

Puan Nursyaza Aqilah Binti Mohd Aizam



ATURCARA

9.00 pagi : Ketibaan para tetamu

9.30 pagi : Ketibaan dif-dif jemputan

9.35 pagi : Ketibaan YB Encik Mohd Akmal Bin Kamaruddin
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar
dan Teknologi Hijau Negeri Perak

9.40 pagi : Ketibaan YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Nyanyian Lagu Negaraku

Nyanyian Lagu Kebesaran Negeri Perak

Bacaan Doa

Ucapan Alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan,
Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak

Ucapan perasmian oleh YAB Menteri Besar Perak Darul
Ridzuan

Gimik Perasmian

Tayangan Montaj

Penyampaian Anugerah dan Hadiah kemenangan
Program- program HASN 2022

Cabutan bertuah bagi kempen Pengumpulan E-Waste


Lawatan ke Booth-Booth Pameran Agensi Kerajaan dan
Swasta

Sidang Media

Jamuan makan tengahari

1.30 petang : YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan meninggalkan majlis

Majlis Bersurai





HARI ALAM
SEKITAR NEGARA
21 OKTOBER
Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama


DENGAN KERJASAMA

RAKAN STRATEGIK BERLIAN

KenEp Group
A Total Environmental Company



RAKAN STRATEGIK EMAS



RAKAN STRATEGIK PERAK



順德(怡保)塑料有限公司
IPOH S.Y. RECYCLE PLASTIC SDN. BHD.



合力陶瓷有限公司
HL PORCELAIN SDN. BHD.



SEKALUNG PENGHARGAAN

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Hari Alam Sekitar Negara ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas sokongan komitmen dan kerjasama bagi menjayakan program Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak ini

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"